

LANGKAH-LANGKAH MENGATASI KECURIAN DI TAPAK BINA

HOR PHOOI CHIN

**Laporan projek ini dikemukakan
sebagai memenuhi sebahagian daripada syarat
penganugerahan ijazah Sarjana Muda Ukur Bahan**

**Fakulti Alam Bina
Universiti Teknologi Malaysia**

APRIL, 2008

ABSTRAK

Kecurian di tapak bina merupakan satu masalah kepada kontraktor. Isu ini membimbangkan para kontraktor kerana mereka terpaksa menanggung kos berlebihan dan kerugian akibat kecurian. Terdapat pelbagai jenis langkah keselamatan yang boleh digunakan di tapak bina untuk mengatasi masalah kecurian. Di dalam dokumen kontrak, bahagian *Preliminaries and General Conditions*, kerja keselamatan menerangkan jenis-jenis langkah yang digunakan di tapak bina. Antara langkah-langkah keselamatan yang dinyatakan adalah membekalkan pengawasan dan percahayaan sebagai usaha penjagaan terhadap kerja, bahan binaan dan loji, perlindungan kepada pengawal serta pengawal keselamatan (CT Project Management). Persoalannya ialah langkah-langkah yang manakah merupakan langkah yang paling berkesan untuk membanteraskan masalah kecurian. Oleh itu, penyelidikan ini telah dijalankan untuk mengenalpasti langkah-langkah yang paling berkesan untuk mengatasi masalah kecurian. Sasaran penyelidikan ini tertumpu kepada firma-firma kontraktor yang berdaftar dengan PKK di bawah kelas A di sekitar Johor Bahru sahaja. Data-data penyelidikan diperolehi daripada hasil maklum balas soal selidik yang telah diedarkan melalui pos dan penghantaran sendiri kepada responden-responden. Untuk menganalisis data-data yang didapati, kaedah analisis data yang dipilih adalah analisis statistik frekuensi. Melalui kajian ini, langkah-langkah yang paling berkesan untuk mengatasi masalah kecurian adalah penggunaan perimeter pagar, penggunaan lampu dan percahayaan, stor, penggunaan kunci dan anak kunci, perletakan pejabat tapak dan pejabat keselamatan, bantuan pekerja-pekerja di tapak, pengurangan jalan masuk ke kawasan pembinaan, bantuan syarikat keselamatan serta bantuan penjaga.

ABSTRACT

Theft on construction site is a problem to contractors. This issue is worrying contractors because they need to take extra costs and bear all the loss due to theft. There are various types of security measures that can be used on the construction site to overcome the theft problem. In the contract document, in the part of Preliminaries and General Conditions, security of works explained the types of security measures used on construction site. Security measures are such as providing all necessary watching and lighting as safeguard of the works, material and plant, shelter for watchman and security guards (CT Project Management). The question is which of these security measures are suitable to prevent theft on construction site. Therefore, this research is conducted in order to identify the effective ways to prevent theft on construction site. The target respondents are contractor firms class A which are registered under PKK in Johor Bahru. The data of this research is collected from the questionnaires which were sent by post and were given directly to the respondents. In order to analyze the data, the method of analysis chosen is frequencies statistic analysis. Based on the result of this research, the effective ways to prevent theft on construction site are utilization of perimeter fences, security lighting, store, locks and key control, placing of site office and security office, assistance of own employees on site, access control by reducing the number of entrances, assistance of security company and help from guard.